

# 10<sup>th</sup> MALAYSIA STATISTICS CONFERENCE 2023

## Looking Beyond GDP: Toward Social Well-being and Environmental Sustainability

26<sup>th</sup> September 2023  
Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia

### SUB-THEME: BEYOND GDP – ADVANCING SOCIETAL WELL-BEING, INCLUSIVE GROWTH AND ACHIEVING SHARED PROSPERITY

#### Kajian Ringkas Kecenderungan Laluan Kerjaya Pelajar Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) 2023

Nur Syasya Etika Muhamad Pisol, Muhammad Aqil Mustafa, Ratana Sarimin, Muji Hassim, Siti Noraida Mohd Uder@Shuhaimi, Megat Muhammad Nadzrin Norizan, Nur Aimi Adibah Hassan Basri  
Institut Maklumat Dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA), Jabatan Perangkaan Malaysia

#### Abstrak:

Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (IJLTM) di bawah Kementerian Sumber Manusia telah menetapkan objektif utama ILJTM adalah untuk melahirkan tenaga kerja bagi sektor perindustrian. Oleh yang demikian, adalah relevan untuk pengurusan ILJTM untuk mengetahui kecenderungan pemilihan kerjaya para pelajar institusi ILJTM bagi mengurangkan risiko ketidapadanan pekerjaan dan juga bagi tujuan penambahbaikan komponen kursus bukan teknikal yang bersesuaian untuk dunia pekerjaan. Kajian ini telah dijalankan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dengan melibatkan tiga puluh tiga (33) institusi JTM di seluruh Malaysia. Jumlah populasi pelajar adalah seramai 16,394 pada Mei 2023. Kajian ini juga telah mengenalpasti kecenderungan laluan kerjaya para pelajar ILJTM yang sedikit berbeza dengan objektif utama ILJTM akibat Pandemik COVID-19. Responden kajian ini merupakan pelajar yang memulakan pengajian mereka di dalam era Gelembung Pendidikan semasa Pandemik COVID-19.

#### Kata Kunci:

laluan kerjaya, kebolehpasaran graduan, bekerja di luar negara, usahawan, TVET

#### 1. Pengenalan

ILJTM ditubuhkan bertujuan untuk menyediakan dan melaksanakan program latihan kemahiran pra-pekerjaan bagi memenuhi keperluan sektor perindustrian negara. ILJTM terdiri daripada dua puluh tiga (23) buah Institut Latihan Perindustrian (ILP), lapan (8) Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan satu (1) Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI). Program yang ditawarkan oleh ILP adalah pada peringkat Sijil, Sijil Lanjutan dan Diploma Kemahiran. Manakala ADTEC dan JMTI menawarkan program di peringkat Diploma dan Diploma Lanjutan Kemahiran. ILJTM menjalankan sesi pengambilan pelajar secara dua (2) kali setahun iaitu pada Sesi Januari, dan Sesi Julai. Pelajar yang mengikuti program Sijil dan Sijil Lanjutan Kemahiran mendapat pengecualian daripada yuran pengajian, manakala pelajar program Diploma dan Diploma Lanjutan dikenakan yuran tahunan sebanyak RM3,000.00 setahun dan para pelajar yang layak boleh mendapatkan pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).

Jumlah pelajar ILJTM pada Mei 2023 adalah seramai 16,394. Kadar enrolmen pelajar setiap tahun adalah di dalam lingkungan 8,000 orang kecuali semasa tempoh pandemik

COVID-19 pada kadar 4,000 orang. Manakala purata output tahunan bagi tempoh 2017 hingga 2020 adalah 7,153 orang setahun. Jumlah output ILJTM pada 2021 adalah 2,454 orang dan 3,261 orang pada tahun 2022. Purata kadar kebolehpasaran graduan (GE) ILJTM bagi tahun 2017 hingga 2020 adalah 91.8 peratus. Kadar GE graduan ILJTM pada tahun 2021 menurun ke 85.9 peratus, dan meningkat semula pada tahun 2022 ke 88.8 peratus.

Situasi ini selaras dengan kesan pandemik COVID-19 (2021) dan unjuran optimis pemulihan pasaran buruh pasca Pandemik COVID-19 (2022). Walaupun situasi ini menggambarkan senario yang positif, adalah wajar untuk ILJTM mengetahui dengan lebih mendalam kecenderungan laluan kerjaya para pelajar mereka bagi membolehkan JTM merangka pelan yang bersesuaian untuk membantu kebolehpasaran graduan ILJTM pada masa hadapan.

Konsep kebolehpasaran adalah merujuk kepada kualiti dan kerelevanan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan yang dimiliki oleh pelajar dapat dibawa dan digunakan ke pasaran buruh sama ada bekerja di sektor kerajaan, sektor swasta atau bekerja sendiri. **Objektif utama kajian** ini adalah untuk mengetahui kecenderungan laluan kerjaya pelajar ILJTM berdasarkan kriteria demografi terpilih.

## 2. Metodologi:

Kajian ini menggunakan pendekatan campuran dengan menfokuskan kepada triangulasi dapatan kuantitatif dan kualitatif. Borang soalselidik atas talian telah dibina berasaskan kepada kriteria demografi, kursus, perancangan kerjaya, kategori kerjaya dan pengetahuan hak sebagai pekerja. Kutipan data atas talian dilaksanakan dengan bantuan sepenuhnya daripada JTM menerusi pengurusan ILJTM seluruh Malaysia bermula pada 19 Mei sehingga 31 Mei 2023. Jumlah responden adalah 8,442 orang iaitu 51.5 peratus daripada jumlah populasi pelajar ILJTM pada Mei 2023.

Kutipan data secara kualitatif telah diadakan pada Jun 2023 dengan mengadakan sesi perbincangan berfokus secara berkumpulan (FGD) dengan pelajar semester akhir di Institusi Latihan Perindustrian Miri, Sarawak dan kumpulan pengurusan ILP, ADTEC dan JTM. Objektif sesi FGD adalah untuk mengesahkan dapatan kuantitatif dengan isu struktur ILJTM. Kajian ini adalah bersifat *Action Research* (Kajian Tindakan) yang bertujuan untuk menyiasat dan menyelesaikan sesuatu isu secara serentak.

## 3. Dapatan Kajian:

Dapatan utama kajian ini akan diklasifikasikan kepada tiga (3) fokus utama iaitu demografi dan kecenderungan kerjaya responden.

### Demografi

#### Paparan 1: Jantina Responden

Jantina/ Peratus	
Lelaki	85.0%
Perempuan	15.0%

Majoriti responden adalah pelajar lelaki iaitu 85.0 peratus, dan pelajar perempuan hanya 15.0 peratus. Situasi ini adalah selaras dengan kemudahan logistik (penginapan) dan jenis kursus yang ditawarkan di setiap ILJTM yang cenderung kepada pelajar lelaki.

## Paparan 2: Kaum Responden

Kaum/ Peratus	
Melayu	75.8%
India	8.1%
Bumiputera Sabah	8.1%
Bumiputera Sarawak	6.0%
Cina	1.4%
Lain-lain	0.5%

Analisis responden berdasarkan kaum menunjukkan bahawa pelajar yang terdiri dari kaum Melayu merupakan pelajar majoriti di ILJTM dengan jumlah peratus 75.8 peratus diikuti oleh pelajar dari kaum India (8.1%), Bumiputera Sabah (8.1%), Bumiputera Sarawak (6.0%), Cina (1.4%) dan dari kaum lain-lain (0.5%).

## Paparan 3: Julat Umur Responden

Julat Umur/ Peratus	
18 Tahun Ke Bawah	1.2%
19 - 20 Tahun	63.7%
21 - 22 Tahun	29.1%
23 -25 Tahun	5.2%
26 Ke Atas	0.8%

Majoriti responden berumur di antara 19 hingga 20 tahun (63.7%), diikuti oleh responden yang berumur 21 hingga 22 tahun (29.1%). Disebabkan struktur pengajian yang terperingkat terdapat juga responden yang berumur lebih 26 tahun ke atas.

## Paparan 4: Responden Mengikut Jenis Institusi

Jenis Institut/Peratus		
ILP	6,174	73.2%
JMTI	290	3.4%
ADTEC	1,974	23.4%
Jumlah	8,438	100.0%

Majoriti responden merupakan pelajar ILP diikuti oleh pelajar ADTEC dan JMTI. Jumlah ini selaras dengan bilangan institusi yang dikendalikan oleh JTM.

Lokaliti ILJTM juga turut mempengaruhi bilangan responden kajian ini, responden teramai berasal dari negeri Johor (18.3%), diikuti oleh Kedah (12.2%), Sabah (9.2%), Selangor (9.2%) dan Kelantan (8.9%).

## Paparan 5: Tahap Persijilan dan Julat Umur Responden

Tahap Persijilan	18 Tahun Ke Bawah	19 - 20 Tahun	21 - 22 Tahun	23 -25 Tahun	26 tahun ke atas
SKM 1		21	23	3	
SKM 2	12	356	44	7	4
SKM 3	72	4,278	1,006	167	34
DKM	18	666	1,324	253	22
DKLM		20	42	6	3
Lain-lain	2	31	11	5	3

Paparan 4 menunjukkan analisis silang di antara tahap persijilan responden dan julat umur yang menunjukkan majoriti responden (66.0%) adalah pelajar tahap Persijilan SKM

3 dengan 77.0 peratus daripada mereka berumur di antara 19 hingga 20 tahun. Manakala 58.0 peratus pelajar DKM pula berumur di antara 21 hingga 22 tahun.

### Kecenderungan Kerjaya

Bagi mendapatkan senario terbaik kecenderungan kerjaya responden, analisis silang tiga (3) peringkat dilaksanakan dengan menjadikan pembolehubah perancangan kerjaya sebagai asas analisis.

#### Paparan 6: Perancangan Kerjaya Responden Mengikut Jenis Institusi

Perancangan Kerjaya	Jenis Institut			Jumlah	
	ILP	JMTI	ADTEC		
Bekerja	2,166	162	1,304	3,632	43.0%
Berehat sementara	142	7	23	172	2.0%
Melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi	3,631	114	566	4,311	51.1%
Mendapatkan kemahiran lain	225	7	77	309	3.7%
Tidak Pasti	10		4	14	0.2%
<b>Jumlah</b>	<b>6,174</b>	<b>290</b>	<b>1,974</b>	<b>8,438</b>	<b>100.0%</b>

Paparan 6 menunjukkan 43.0 peratus responden merancang untuk bekerja setelah tamat kursus, manakala 51.1 peratus pula merancang untuk melanjutkan pelajaran. Responden daripada ADTEC (66.0%) menunjukkan peratusan yang tinggi untuk bekerja setelah tamat pengajian mereka berbanding dengan responden daripada ILP (35.1%) dan JMTI (55.0%). Berbeza pula dengan perancangan kerjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi menunjukkan majoriti responden daripada ILP (58.8%) berbanding dengan JMTI (39.3%) dan ADTEC (28.7%).

#### Paparan 7: Analisis Terperinci Perancangan Kerjaya – Bekerja

Perancangan Kerjaya	Jenis Institut	Tahap Persijilan						Jumlah
		DKM	DKLM	SKM1	SKM2	SKM3	Lain-lain	
Bekerja	ILP	204	4	6	107	1,834	11	2166
	JMTI	153	4		2	3		162
	ADTEC	1,153	39		4	105	3	1,304
<b>Jumlah</b>		<b>1,510</b>	<b>47</b>	<b>6</b>	<b>113</b>	<b>1,942</b>	<b>14</b>	<b>3,632</b>
		<b>41.6%</b>	<b>1.3%</b>	<b>0.2%</b>	<b>3.1%</b>	<b>53.5%</b>	<b>0.4%</b>	

Analisis silang tiga peringkat dibuat bagi melihat kecenderungan bekerja di kalangan responden, dan didapati responden di tahap persijilan SKM 3 (53.5%) dan DKM (41.6%) menunjukkan kecenderungan yang tinggi untuk bekerja berbanding dengan tahap persijilan yang lain.

#### Paparan 8: Pilihan Bekerja

Bekerja	Keutamaan	
Kerajaan	1,354	35.2%
Bekerja Di Luar Negara	1,157	30.0%
Usahawan	722	18.7%
Sektor Perindustrian	619	16.1%
<b>Jumlah</b>	<b>3,852</b>	<b>100.0%</b>

Paparan 8 menunjukkan pilihan responden untuk bekerja, dan didapati 35.2 peratus daripada responden memilih untuk bekerja di sektor Kerajaan, diikuti oleh bekerja di luar negara (30.0%), menjadi usahawan (18.7%) dan bekerja di sektor perindustrian (16.1%). Faktor keterjaminan pekerjaan merupakan antara faktor utama pemilihan pekerjaan di kalangan responden.

Selain itu juga, faktor mendapatkan gaji yang lumayan turut menjadikan bekerja di luar negara sebagai pilihan kedua responden. Di antara negara yang menjadi pilihan responden adalah Singapura, Jepun, Australia, Arab Saudi dan Brunei Darussalam. Bagi responden yang memilih untuk bekerja di luar negara setelah tamat kursus, kebanyakan daripada mereka mengetahui kaedah untuk mendapatkan pekerjaan melalui syarikat semasa latihan industri, portal mencari pekerjaan antarabangsa dan portal pekerjaan dalam negara.

### Paparan 9: Anggaran Gaji Yang Akan Diterima Apabila Bekerja

Anggaran Gaji	Jumlah	
RM1,500 dan ke bawah	172	7%
RM1,501 - RM2,000	804	34%
RM2,001 - RM2,500	787	33%
RM3,000 - RM3,500	373	16%
Lebih daripada RM3,501	229	10%
<b>Jumlah</b>	<b>2365</b>	<b>100%</b>

Paparan 9 menunjukkan anggaran gaji yang akan diterima oleh responden sekiranya mereka bekerja dengan menggunakan sijil yang akan mereka terima. Sebilangan kecil responden menganggap mereka akan menerima gaji RM1,500 (gaji minima Malaysia) dan ke bawah. Manakala 34.0 peratus akan menerima gaji di antara RM1,501 sehingga RM2,000 sebulan dan 33.0 peratus akan menerima gaji di dalam lingkungan RM2,001 hingga RM2,500. Selain itu terdapat responden yang akan menerima gaji RM3,000 ke atas.

### Analisis Data Kualitatif

Berdasarkan sesi FGD bersama pelajar dan pengurusan ILJTM, dapat disimpulkan bahawa persijilan dan pengurusan ILJTM membantu para pelajar ILJTM sama ada untuk menjadi pekerja di sektor perindustrian dalam negara atau luar negara dan juga mereka membantu untuk para pelajar mereka menjadi usahawan dengan kemahiran yang diperolehi daripada kursus di ILJTM. Bekerja dengan sektor swasta tidak menjadi keutamaan di kalangan pelajar kesan daripada pandemik COVID-19, di mana para pelajar mengambil iktibar bahawa sekiranya berlaku sekali lagi situasi pandemik keterjaminan pekerjaan mereka di sektor swasta adalah sangat lemah. Selain itu juga, nilai tambah yang diberikan oleh persijilan ILJTM memudahkan mereka untuk menjadi usahawan atau bekerja sendiri.

Informan di kalangan pelajar semester akhir memaklumkan bahawa mereka mempunyai keinginan untuk bekerja di luar negara kerana ingin melihat negara orang selain mendapatkan pengalaman bekerja sambil merantau. Singapura merupakan negara pilihan utama mereka kerana mereka sentiasa mendapat maklumat tentang kekosongan jawatan dan peluang untuk mendapatkan gaji yang lumayan. Manakala Jepun pula sinonim dengan beberapa projek yang dijalankan oleh ILJTM terutama JMTI. ILJTM tidak

mempunyai halangan untuk para pelajarnya bekerja di luar negara kerana situasi ini membuktikan bahawa persijilan yang dikeluarkan oleh ILJTM diiktiraf di peringkat global.

#### 4. RUMUSAN:

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mendapatkan kecenderungan laluan kerjaya pilihan pelajar ILJTM pasca Pandemik COVID-19. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kursus-kursus yang dilaksanakan oleh ILJTM adalah selaras dengan pembangunan kerjaya individu dari kelompok pelajar TVET iaitu bermula dengan Sijil Kemahiran Tahap 1-3 (pekerja separa mahir) hingga ke tahap Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (pekerja mahir). Secara umumnya pelajar ILJTM menunjukkan minat untuk bekerja di pekerjaan yang dapat menjamin kestabilan pekerjaan dan pendapatan mereka. Selain itu juga kajian ini turut menunjukkan bahawa pelajar ILJTM turut menunjukkan minat untuk menjadi usahawan atau bekerja sendiri dengan menggunakan kemahiran yang mereka perolehi. Penambahbaikan dari segi pewujudan kursus-kursus sampingan bukan teknikal seperti undang-undang perburuhan dan keusahawan adalah seiring dengan kehendak para pelajar. Pelajar lepasan ILJTM tidak semestinya akan hanya bekerja dengan sektor perindustrian negara tetapi mereka juga boleh mewujudkan pekerjaan untuk diri mereka dan orang lain.

Disebabkan responden kajian kali ini merupakan pelajar yang berada di dalam Gelembung Pendidikan COVID-19, persepsi terhadap laluan kerjaya mereka banyak dipengaruhi keadaan semasa Pandemik COVID-19 (Pra dan Pasca). Sehubungan itu pengurusan ILJTM dicadangkan untuk melaksanakan kajian kecenderungan laluan kerjaya setiap tahun bagi melihat trend laluan kerjaya pilihan pelajar mereka. Dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai antipati utama pembangunan kurikulum persijilan ILJTM agar dapat melahirkan graduan yang boleh bekerja di sektor perindustrian atau boleh mewujudkan pekerjaan untuk diri sendiri atau orang lain.

#### Rujukan

Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.

Jabatan Tenaga Manusia: *JTM Quickfacts* 31 Mei 2023 Retrieved 1<sup>st</sup> July 2023, [https://www.jtm.gov.my/2015v3/images/JTM\\_QuickFacts/2023/JTMQuickFactsMei2023.pdf](https://www.jtm.gov.my/2015v3/images/JTM_QuickFacts/2023/JTMQuickFactsMei2023.pdf)

Maklumat Umum TVET, KPM, <https://www.moe.gov.my/en/maklumat-umum-tvet>

**NOTE: THE REQUIRED NUMBER OF PAGES FOR PAPER IS SIX PAGES**